# Prosa Tradisional
# ( Hikayat Langlang Buana)

## Sinopsis

Kisah bermula apabila Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi bersama-sama dayang inang pengasuhnya pergi ke taman untuk bersiram. Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi tidak mengetahui bahawa semasa dia bersiram, dia telah diperhatikan oleh Raja Indera Bumaya yang bersembunyi di balik pokok kemunting. Raja Indera Bumaya telah bertukar menjadi seekor burung bayan yang cantik lalu hinggap di dahan pokok kemunting dan mengeluarkan bunyi yang sangat merdu. Bunyian tersebut telah menarik perhatian Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. Tuan Puteri telah mengarahkan dayang untuk menangkap burung bayan tersebut tetapi tidak berjaya. Apabila kesemua dayang gagal menangkap burung bayan itu, dayang mencadangkan Tuan Puteri menangkap burung bayan itu sendiri. Tiba-tiba burung bayan terbang dan hinggap pada lengan Tuan Puteri. Tuan Puteri bertanya tentang asal-usul bayan. Bayan menceritakan dia berasal dari Negeri Lela Gambar dan mempunyai tuan yang bernama Raja Indera Bumaya. Bayan bercerita tentang kehebatan tuannya yang menyebabkan Tuan Puteri ingin sekali bertemu dengan tuannya itu. Bayan akhirnya menukarkan dirinya menjadi Raja Indera Bumaya dan akhirnya mereka saling berkasihan. Berita tentang adanya suara lelaki di istana Tuan Puteri telah menyebabkan ayahanda Tuan Puteri iaitu Raja Bahrum Dewa menjadi murka. Baginda telah mengarahkan 40 orang hulubalang dan rakyat untuk menangkap Raja Indera Bumaya. Perintah tersebut telah menyebabkan Tuan Puteri berasa sedih dan bimbang akan keselamatan Raja Indera Bumaya. Namun Raja Indera Bumaya berjaya menewaskan angkatan serangan Raja Bahrum Dewa dengan bantuan 4 orang hulubalang yang dijelmakan daripada batu geliga. Raja Bahrum Dewa sangat murka dengan kekalahan tersebut lalu mengarahkan pula seluruh rakyat menangkap Raja Indera Bumaya sekali lagi. Kali ini Raja Indera Bumaya dibantu oleh empat ribu jin. Pertempuran tersebut menyebabkan berlakunya pertumpahan darah yang dahsyat.

## Tema

***Percintaan anak raja***

Raja Indera Bumaya sanggup menukarkan dirinya menjadi bayan semata-mata untuk menarik perhatian Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi tidak sanggup kehilangan Raja Indera Bumaya.

## Persoalan

1. Persoalan Keberanian Menghadapi Cabaran. Raja Indera Bumaya Tidak Gentar Untuk Menentang Hulubalang Raja Bahrum .

2. Persoalan Kebijaksanaan Mencari Peluang. Raja Indera Bumaya Menjelmakan Diri Menjadi Seekor Burung Bayan Agar Dapat Menghampiri Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi.

## Watak dan Perwatakan

| WATAK | PERWATAKAN |
|---|---|
| Raja Indera Bumaya | Anak raja dari Negeri Lela Gambar |
| | Bijaksana. Raja Indera Bumaya menjelmakan dirinya sebagai burung bayan agar dia dapat memerhatikan gerak geri Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. |
| | Berani. Raja Indera Bumaya berani duduk bersama-sama Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi dalam istananya memadu kasih. |
| | Mempunyai kuasa sakti (bertukar menjadi seekor burung bayan yang cantik) matanya daripada intan, bulunya daripada pusparagam dan kakinya daripada emas. |
| | Gagah perkasa. Raja Indera Bumaya tidak dapat ditangkap oleh hulubalang yang mengepungnya . |
| | Baik budi bahasa. Dia memuji-muji keelokkan paras rupa Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. |
| Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi | Puteri Raja Bahrum Dewa |
| | Periang. Tuan puteri suka bergurau senda. |
| | Seorang yang cantik. Raja Indera Bumaya terpesona dengan kecantikan Tuan Puteri ketika berbedak dan berlangir |
| | Suka akan binatang. Tuan Puteri terlalu sukacita apabila mendapat burung Bayan |
| | Sangat mencintai kekasihnya.. Tuan Puteri tidak sanggup hidup lagi jika Raja Indera Bumaya mati. |
| Raja Bahrum Dewa | Seorang raja yang tegas. Dia tidak suka lelaki luar berada bersama-sama puterinya. |
| | Pemarah. Baginda mengarahkan hulubalang mengepung Raja Indera Bumaya yang memadu kasih dengan anakandanya sehingga mencetuskan kemarahannya. |
| | Mengambil berat akan anakandanya. Baginda menganggap perbuatan Tuan Puteri Ratna Dewi yang memadu kasih dengan Raja Indera Bumaya sebagai celaka dan memalukan baginda. |

## Latar

### Latar Masa

- **Waktu malam**. Tuan Puteri bergurau senda dengan dayang-dayang inang pengasuhnya. Bayan dikeluarkan dari sangkar emas.
- **Waktu pagi** . Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi berbedak dan berlangir

### Latar Tempat

- Kolam  tempat Tuan Puteri mandi
- Mahligai tempat didengar suara Tuan Puteri bersama suara laki-laki tertawa.
- Luar kota. Raja-raja dan menteri hulubalang mengepung Raja Indera Bumaya.

### Latar Masyarakat

- **Masyarakat feudal**. Masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja.
- **Masyarakat saling mengasihi**. Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi amat mengasihi Raja Indera Bumaya dan begitulah sebaliknya.
- **Masyarakat yang tidak bertolak ansur**. Raja Bahrum Dewa amat marah kepada Raja Indera Bumaya yang berkasih-kasihan dengan Puterinya.

## Nilai

| NILAI | PERISTIWA |
|---|---|
| Nilai keberanian | Raja Indera Bumaya berani menghadapi serangan daripada Raja Bahrum Dewa. |
| Nilai Kasih sayang | Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi amat menyayangi  Raja Indera Bumaya sehingga sanggup mati bersama-samanya. |
| Nilai bekerjasama | Rakyat bekerjasama dengan hulubalang menyerang Raja Indera Bumaya. |
| Nilai kebijaksanaan | Raja Indera menukarkan dirinya menjadi bayan untuk memikat hati Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. |
| Nilai ketaatan | Jin-jin mematuhi arahan Raja Indera Bumaya berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa |

**Pengajaran**

1. Kita hendaklah berani menghadapi apa-apa rintangan..Raja Indera Bumaya sanggup melakukan apa sahaja demi mendekati Tuan Puteri .

2. Kita hendaklah mematuhi arahan ketua. Empat ribu jin telah berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa setelah diarahkan Raja Indera Bumaya.

3. Kita hendaklah menggunakan akal dengan bijaksana. Raja Indera Bumaya menjelma sebagai burung agar dapat memerhatikan gerak geri Tuan Puteri.

**Soalan**

1. Mengapakah Raja Indera Bumaya menjelma sebagai Burung Bayan ?

2. Apakah punca yang menyebabkan Raja Bahrum Dewa amat marah ?

**Jawapan**

1. Raja Indera Bumaya ingin memerhatikan gerak geri Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi.

2. Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi telah memalukan Raja Bahrum Dewa kerana memadu kasih dengan Raja Indera Bumaya di dalam mahligai .